

*Artikel*

**Pandangan Pengundi terhadap Slogan “Malaysia Madani” dalam Pilihan Raya Negeri 2023**  
(*Voters' Views on the Slogan "Malaysia Madani" in the 2023 State Election*)

Nur Ainisyafini Ab Rahim & Junaidi Awang Besar\*

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran (SEEDS). Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

\*Pengarang Koresponden: [a182713@siswa.ukm.edu.my](mailto:a182713@siswa.ukm.edu.my)

Diserah: 01 Januari 2024  
Diterima: 01 Februari 2024

**Abstrak:** Setiap pemimpin yang memimpin negara kebiasaannya akan memperkenalkan slogan masing-masing untuk dijadikan sebagai satu kerangka pemikiran besar yang akan dijadikan template dalam melaksanakan dasar pemerintahan negara. Setelah tiga bulan dilantik menjadi Perdana Menteri ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah memperkenalkan motto pemerintahannya iaitu Membangun Malaysia Madani pada 19 Januari 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Pelbagai reaksi timbul daripada pengenalan slogan tersebut sama ada positif mahupun negatif. Justeru, artikel ini membincangkan pandangan pengundi terhadap slogan “Malaysia Madani” dalam Pilihan Raya Negeri 2023. Kajian ini mengadaptasikan kaedah kuantitatif iaitu soal selidik di lapangan, temu bual dan juga kaedah kualitatif iaitu rujukan maklumat sekunder iaitu artikel jurnal, bahan persidangan/seminar dan buku akademik yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden pernah dengar istilah ‘Malaysia Madani’ namun mereka tidak faham sepenuhnya slogan tersebut. Meskipun istilah tersebut telah lama disebut PMX iaitu pada tahun 1995 yang lalu namun istilah tersebut tidak mendapat liputan meluas media dan orang ramai. Secara keseluruhannya, pengundi ketika PRN 2023 dapat menerima atau bersetuju dengan istilah Malaysia Madani yang mempunyai nilai hidup yang baik. Meskipun mereka bersetuju dengan istilah dan nilai baik tersebut namun soal sokongan kepada pemimpin, kerajaan dan parti politik adalah soal lain. Justeru, demi mendapat sokongan padu daripada rakyat, pemimpin, kerajaan dan parti politik perlu bukan sahaja memperkenalkan, bahkan juga mempraktikkan nilai baik tersebut agar dapat menjadi teladan sekali gus meyakinkan lagi pengundi untuk menyokong mereka dalam sesuatu pilihan raya akan datang.

**Kata kunci:** Pilihan Raya Negeri; Perdana Menteri; Malaysia Madani; sokongan; pengundi

**Abstract:** Every leader who leads the country will definitely introduce their respective slogans to be used as a big thinking framework that will be used as a template in implementing the country's government policy. After three months as the 10th Prime Minister, Dato' Seri Anwar Ibrahim launched his government's slogan, Membangun Malaysia Madani, on 19 January 2023 at the Putrajaya International Convention Center (PICC). Various reactions arose from the introduction of the slogan either positive or negative. Thus, this article discusses the voter's views on the slogan "Malaysia Madani" in the 2023 State Election. This study uses quantitative methods which are questionnaires in the field, interviews and also qualitative methods which are references to secondary data which are journal articles, conference/seminar papers and related scientific books. The results of the study found that the majority of respondents had heard the term 'Malaysia Madani' but they did not fully understand the slogan. Although the term has been called PMX for a long time, that is in 1995, but the term has not been widely covered by the media and the public. Overall, voters during PRN 2023 can accept or agree with the term Madani Malaysia which has good life values. Although they agree with the good

terms and values, the issue of support for leaders, governments and political parties is another matter. Therefore, in order to get strong support from the people, leaders, governments and political parties need to not only introduce, but also practice these good values in order to be an example and thus convince the voters to support them in a future election.

**Keywords:** State Election; Prime Minister; Malaysia Madani; support; voter

## Pengenalan

Malaysia Madani merupakan satu slogan yang berteraskan nilai murni untuk dipraktikkan oleh pemimpin dan rakyat Malaysia. Hal ini kerana prinsip politik berteraskan nilai murni akan memantapkan pemerintahan demokrasi di negara ini. Masyarakat madani merupakan penerjemahan istilah dari konsep *civil society* yang pertama kali diartikulasikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ceramahnya pada simposium Nasional dalam rangka forum ilmiah pada acara festival istiqlal, 26 September 1995 di Jakarta. Konsep yang diajukan oleh Anwar Ibrahim ini hendak menunjukkan bahawa masyarakat yang ideal adalah kelompok masyarakat yang memiliki peradaban maju. Lebih jelas Anwar Ibrahim menyebutkan bahawa yang dimaksud dengan masyarakat madani adalah sistem sosial yang subur yang diasaskan kepada prinsip moral yang menjamin keseimbangan antara kebebasan perorangan dengan kestabilan masyarakat (Anwar, 2022; Shah Mohd Akmal, 2023; Mohamed Nasser, 2023a&b).

Konsep Malaysia Madani yang diluncurkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada Januari 2023 mengandungi enam tonggak utama, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Tonggak utama ini penting bagi memacu negara ke arah yang lebih baik daripada semua aspek. Malaysia Madani merupakan hasrat Perdana Menteri dalam mentadbir negara dengan berasaskan moral dan etika. Ini merupakan satu usaha oleh Perdana Menteri dalam membina masa depan negara. Secara asasnya, konsep madani menggambarkan kepercayaan disulam antara kerajaan dan rakyat melalui nilai ketelusan dan kerjasama.

Konsep Madani dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan dirangkul peradaban yang dicitakan. Pimpinan ini akan berusaha mempelihara rakyat daripada kancan perkauman, serta meletakkan nokta terhadap usaha pihak yang menggunakan politik identiti untuk memecah-belahan masyarakat. Beliau turut menjelaskan bahawa istilah Madani merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam bermula di Madinah.

Ketika di PICC pada 19 Januari 2023, PM-10 Dato' Seri Anwar Ibrahim menjelaskan bahawa konsep Madani yang lahir dari istilah Arab tersebut menekankan kepada keterangkuman dan urus tadbir baik. Madani dalam istilah Arab membawa maksud ‘bertamadun’ namun beliau menjelaskan konsep Madani yang dibawa pentadbirannya merujuk kepada usaha pembangunan peradaban yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, berkeyakinan dan bersifat insan. Madani juga adalah keterangkuman daripada kumpulan masyarakat, bangsa, agama dan juga wilayah (Business Today, 2023).

Dalam konteks Malaysia, kata Anwar, keutamaan adalah usaha membentuk sistem politik stabil yang berlandaskan kepada demokrasi, membasi kemiskinan dan kemelaratan, dan mengagihkan ekonomi secara saksama. Setiap satu aspek itu saling berkait dan hanya akan berjaya jika semuanya dapat ditangani. Pemerintah melunaskan tanggungjawab dan amanah, manakala rakyat memberikan sokongan kepada usaha kerajaan bagi menjayakan reformasi ekonomi serta sosial. Setelah 8 bulan dilancarkan, negara menghadapi PRN-15 di 6 negeri maka kesan penerimaan slogan Malaysia Madani dapat diuji dan ditanya ketika PRN tersebut. Oleh itu, adalah menjadi objektif artikel ini untuk membincangkan respon rakyat terhadap motto Malaysia Madani dalam PRN 2023.

## Sorotan Literatur

Sejak tiga bulan dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah meluncurkan motto kerajaannya iaitu Membangun Malaysia Madani pada 19 Januari 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Kerajaan Perpaduan pimpinan Dato' Seri Anwar menggunakan dasar Malaysia Madani

selepas Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh Perdana Menteri sebelumnya iaitu Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob. Slogan tersebut menjadi tema majlis dialog Belanjawan 2023 bersama Perdana Menteri Anwar Ibrahim pagi 17 Januari 2023 di Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Putrajaya (Anwar, 2022; Noor Azam, 2023; Agenda Massa, 2023b; Mustaffa Kamil, 2023; Shah Mohd Akmal, 2023; Mohamed Nasser, 2023a&b; Osman, 2023; Ronifira Rejab, 2023&2024).

Malaysia Madani yang menjadi agenda nasional pada ketika ini berasal daripada slogan Masyarakat Madani yang dicetuskan ideanya oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1995, ketika beliau menjawat Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Istilah Madani ini dipopularkan oleh Datuk Seri Anwar pada 1995 di Festival Istiqlal di Jakarta, Indonesia. Juga pada 1996 simposium kebangsaan di UKM, Datuk Seri Anwar merupakan pemberi ucapan utama kepada simposium tersebut (mengungkapkan perihal Madani) (Mohd Sayuti, 2023).

Abd Rahman (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Minda Madani: Pemahaman dan Pelaksanaan’ menjelaskan bahawa konsep madani merupakan landasan baharu pembangunan negara yang berlandaskan kepada keyakinan baharu untuk membangunkan negara berteraskan kepada nilai agama dan akhlak. Maszlee & Hamidah (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Siasah Madani’ menjelaskan bahawa siasah madani membincangkan idea kerangka politik Islam kontemporari berteraskan pandangan sarwa Islam yang diwarnakan ke atas realiti semasa.

Noor Azam (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Kepimpinan Tunjang Pembentukan Malaysia Madani’ menjelaskan bahawa makna istilah madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10 Dato’ Seri Anwar Ibrahim memerlukan penelitian yang menyeluruh. Hal ini demikian kerana istilah madani merangkumi semua aspek kehidupan dalam konteks manusawi yang melibatkan kehidupan manusia sebagai anggota masyarakat, komuniti serta sebagai anggota dalam sebuah negara yang ditunjangi oleh pemimpin negara yang berwibawa dan terpilih.

Business Today (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Anwar Ibrahim 100 Days Report Card: Pass or Fail?’ menjelaskan bahawa terdapat banyak pembaharuan yang diperkenalkan beliau sepanjang 100 hari pemerintahannya dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan, Malaysia Madani, Produk Rahmah dan sebagainya. Meskipun bersifat jangka pendek namun beliau perlu diberi peluang sekurang-kurangnya 2 penggal iaitu 10 tahun untuk membawa Malaysia ke landasan yang terbaik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Agenda Massa (2023b) dalam artikel yang bertajuk ‘Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani’ menjelaskan bahawa belanjawan pertama kali Dato’ Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan adalah belanjawan yang tertinggi dalam sejarah belanjawan negara iaitu RM388.1 billion. Belanjawan ini adalah penting untuk memastikan agar negara bangkit daripada kemelesetan ekonomi akibat wabak pandemik COVID-19 pada awal 2020 bagi memastikan rakyat dalam hidup dengan sejahtera dan terus bertahan dalam tempoh ekonomi dunia yang tidak menentu sepanjang tahun 2023.

Ronifira (2023b) dalam buku yang bertajuk ‘Anwar: Prolog Menuju Negara Bangsa Progresif’ menjelaskan bahawa selepas Dato’ Seri Anwar Ibrahim mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia pada 24 November 2022, pelbagai dugaan sama ada dari segi cabaran, persepsi, dan strategi daripada pihak tertentu untuk menggugat Kerajaan Perpaduan pimpinan beliau. Namun dalam masa yang sama, terdapat kejayaan beliau dalam memimpin Malaysia dalam tempoh 6 bulan pertama, aspirasi Kerajaan MADANI, sehingga menilai kebijaksanaan strategi yang mampu memperkasakan Kerajaan MADANI tersebut.

Mustaffa Kamil (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Idealisme Politik Membangun Malaysia Madani: Visi, Cabaran dan Pelan Strategik’ menjelaskan bahawa Malaysia Madani merupakan pemikiran atau idealisme politik yang menilai pengaruh agama dan nilai terhadap falsafah ideologi, gelombang dan aliran utama ideologi falsafah politik dalam tamudn manusia.

Abd Rahman (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Minda Madani: Pemahaman dan Pelaksanaan’ menjelaskan bahawa konsep madani merupakan landasan baharu pembangunan negara yang berlandaskan kepada keyakinan baharu untuk membangunkan negara berteraskan kepada nilai agama dan akhlak.

Maszlee & Hamidah (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Siasah Madani’ menjelaskan bahawa siasah madani membincangkan idea kerangka politik Islam kontemporari melalui ruang yang lebih segar dan luas

berdasarkan kerangka wahyu dan ketamadunan. pemikiran politik Islam melalui siasah madani berteraskan pandangan sarwa Islam yang diwarnakan ke atas realiti semasa.

## Metodologi

Penulisan artikel ini berdasarkan reka bentuk gabungan kualitatif dan kuantitatif. Dari segi persampelan, penulisan artikel ini menggunakan kaedah penganalisisan data primer iaitu soal selidik kepada 350 orang responden di lapangan iaitu di kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan. Jumlah sampel yang dipilih berdasarkan kepada persampelan yang dihuraikan oleh Sekaran (2003) iaitu saiz persampelan yang sesuai adalah antara 31 hingga 500 orang bagi sesuatu kawasan kajian.

Kaedah pengumpulan data bagi penghasilan artikel ini adalah melalui soal selidik dan rujukan bahan sekunder. Penyelidikan soal selidik atau tinjauan adalah untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Persoalan dalam kajian tinjauan sering kali mengenai kepercayaan, kegemaran, kesihatan, dan lain lain tingkah laku individu yang hendak diperhatikan. Topik yang diutarakan mungkin memerlukan pendapat atau sesuatu yang sensitif. Ia juga sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai pandangan, personaliti, tingkah laku atau sikap orang awam secara meluas dari satu kelompok yang besar. Dalam penulisan artikel ini, satu set borang kaji selidik disediakan bagi mendapat respon dan pandangan terhadap "Malaysia Madani" di kawasan kajian. Setiap responden diberikan satu set borang soal selidik yang merangkumi persoalan seperti latar belakang responden dan pelbagai soalan mengenai "Malaysia Madani". Kajian ini juga menggunakan bahan kepustakaan (sekunder) yang mengandungi analisis kandungan buku rujukan ilmiah, makalah jurnal, bahan seminar dan persidangan.

Analisis data merupakan salah satu proses penelitian yang dilakukan setelah semua data yang diperlukan guna memecahkan permasalahan yang diteliti sudah diperoleh secara lengkap. Data yang diperoleh adalah dari sumber primer (soal selidik, temu bual dan soal selidik dalam talian menggunakan Google Form) dan sumber sekunder (kajian perpustakaan, sumber internet). Penganalisisan data bagi penulisan artikel ini melibatkan penggunaan perisian statistik SPSS bagi analisis data survei yang diperkuuhkan dengan data sekunder yang berkaitan bagi menguatkan hujah dalam hasil dan analisis kajian.

## Hasil Kajian Dan Perbincangan

### 1. Pernah Dengar Istilah "Malaysia Madani"


Istilah "masyarakat madani" selalu diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai "*civil society*". Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepada sebagai dasar pentadbiran yang lebih berkemanusiaan dan berpaksikan kepada sikap saling menghormati, meraikan kepelbagai dan menjadi medan dialog peradaban. Berdasarkan kepada hasil soal selidik menunjukkan seramai 78 peratus responden pernah mendengar istilah 'madani' manakala 22 peratus tidak pernah dengar. Hal ini menunjukkan bahawa rakyat peka terhadap apa yang berlaku dalam negara dan mengambil tahu berkenaan perkara yang berlaku. Perkara ini dapat dikaitkan dengan pemilikan dan penggunaan gajet yang memudahkan orang ramai untuk mengakses segala maklumat mengenai perkara yang berlaku dalam negara. Istilah 'madani' ini telah disebarluaskan melalui pelbagai platform supaya rakyat mendapat maklumat mengenainya.

Namun, bagi responden yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah dengar mengenai istilah madani adalah kerana mereka tidak peka terhadap keadaan semasa negara. Ini kerana mereka tidak mempunyai minat untuk berpolitik menyebabkan mereka tidak mengambil tahu mengenai perkara tersebut. Responden beranggapan bahawa mainan politik tidak mendatangkan faedah kepada mereka. Ini menyebabkan mereka bersikap endah tak endah terhadap perkara yang berlaku dalam negara terutamanya yang melibatkan politik seperti istilah madani itu sendiri.

### 2. Tahu Dengan Istilah 'Madani'

Perkataan istilah madani telah tersebar luas dalam kalangan rakyat melalui pelbagai platform media. Rakyat telahpun sedar tentang istilah ini tetapi adakah rakyat tahu apa itu maksud istilah madani. Berdasarkan hasil

soal selidik, 58 peratus responden tidak tahu mengenai istilah madani manakala 40 peratus tahu (Lihat Rajah 1). Hal ini dapat dikatakan bahawa istilah madani itu tidak digunakan dalam kehidupan seharian dan tidak pernah digunakan secara meluas menyebabkan responden tidak mengetahui maksud istilah madani. Jika tidak melakukan pencarian umum mengenai istilah madani, responden tidak akan tahu maksud madani itu. Perkara ini juga dapat dikatakan bahawa responden beranggapan bahawa pengetahuan mengenai istilah madani tidak penting dan tidak menjaskankan apa-apa kepada mereka.



Rajah 1. Pengetahuan Terhadap Istilah ‘Madani’

Sumber: Soal selidik (2023)

Selain itu, sebilangan responden yang mengetahui istilah madani adalah kerana mereka cakna terhadap negara dan maklumat yang disampaikan oleh kerajaan kerana ia merupakan satu perkara yang penting bagi menjamin kemajuan negara. Sikap cakna terhadap maklumat yang disampaikan dapat memahami tujuan pentadbiran kerajaan. Tahap pengetahuan ini adalah penting kepada rakyat agar mereka tidak mudah ditindas oleh kerajaan dengan agenda yang tersorok. Rakyat dapat membuat penilaian peribadi terhadap apa yang mereka ketahui.

### 3. Faham dengan Istilah ‘Madani’

Slogan Malaysia Madani telah mendapat perhatian daripada rakyat dimana mereka sedar akan pembentukan slogan negara ini. Slogan yang dibentuk oleh Kerajaan Perpaduan adalah bertujuan untuk melahirkan masyarakat bertamadun. Istilah madani ini sangat kurang digunakan dalam kalangan masyarakat sebelum ini dan kini digunakan sebagai slogan negara menyebabkan ramai tidak tahu mengenainya. Oleh itu, kajian ini juga mengkaji mengenai kefahaman responden terhadap istilah madani.

Berdasarkan hasil soal selidik menunjukkan 46 peratus responden tidak faham dengan istilah madani manakala 38 peratus yang faham dan diikuti dengan 12 peratus tidak pasti. Hal ini kerana perkataan madani itu merupakan satu perkataan yang beraras tinggi dan mempunyai maksud tersirat menyebabkan sukar untuk difahami terutamanya golongan tua atau orang-orang kampung. Dapat dikatakan juga bahawa responden tidak menggunakan kelebihan internet untuk mengakses maklumat dan maksud yang berkaitan dengan istilah madani kerana kebanyakan responden adalah dari golongan muda yang bijak dan tahu untuk mendapatkan pelbagai maklumat.

Seterusnya, bagi responden yang faham mengenai istilah madani adalah kerana mereka mengambil berat dan ambil tahu dengan situasi semasa serta kepentingan ilmu politik dalam diri bagi mengelakkan daripada ditindas oleh pihak atasan. Antara maksud istilah madani yang dinyatakan oleh responden ialah usaha membentuk masyarakat dengan nilai murni dan maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan serta pemahaman mengenai maksud madani. Dapat

dikatakan juga bahawa responden memahami maksud istilah madani kerana mereka menghadirkan diri dalam majlis ilmu yang bertujuan untuk memberi penerangan mengenai istilah madani. Penerangan yang dilakukan secara terus dan langsung dapat meningkatkan lagi tahap pemahaman rakyat berbanding mengakses maklumat dalam internet.

Akhir sekali, responden yang tidak pasti mengenai istilah madani adalah kerana mereka tahu mengenai madani tetapi tidak memahaminya dengan sempurna menyebabkan mereka tidak mempunyai kepastian. Hal ini kerana istilah madani sukar untuk difahami dengan lebih mendalam jika tidak membuat pembacaan atau tiada penjelasan oleh pihak kerajaan. Walaupun begitu, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memberi kefahaman tentang maksud madani.

Menurut Che Aziz Che Omar (Pegawai Khas Dato' Ketua UMNO Cawangan Panchor), beliau menyatakan bahawa:

*“Saya rasa boleh terima la kerajaan Madani. Cuma dari segi istilah ‘Madani’ tu kadang-kadang rakyat pun tak berapa faham lagi maksud dia tu. Saya rasa rakyat boleh terima la.”*

(Che Aziz Che Omar, 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir di Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

*“Tak boleh nak jawab yang ni.”*

(Siti Nurul Amira Kamarudin, 21 Mac 2023)

#### 4. Pendapat Umum mengenai pernyataan “Slogan ‘Malaysia Madani’”

Slogan ‘Malaysia Madani’ yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia telah mendapat perhatian rakyat mengenai dasar dan tujuannya. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji mengenai pendapat umum mengenai pernyataan “Slogan ‘Malaysia Madani’” yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke 10 iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim”. Jadual 1 menunjukkan pendapat umum mengenai pernyataan “Perdana Menteri ke-10 (Datuk Seri Anwar Ibrahim)”. Berdasarkan jadual tersebut, 96 peratus responden setuju bahawa Malaysia Madani menyentuh pencorakan masa depan negara. Seterusnya 94 peratus setuju bahawa Malaysia Madani menumpukan kepada penyelesaian masalah dan juga Malaysia Madani memenuhi potensi rakyat dan negara.

Seterusnya, responden bersetuju mengenai Malaysia Madani menumpukan kepada penyelesaian masalah kerana perkara ini banyak memberi manfaat dalam pelbagai aspek terutamanya politik, ekonomi dan sosial bagi menjamin kesejahteraan negara. Pelbagai inisiatif yang telah dilakukan bagi menyelesaikan masalah rakyat seperti menghulurkan pelbagai bentuk bantuan bagi meringankan beban, menghentikan budaya pembaziran agar wang kerajaan dapat digunakan bagi tujuan yang lebih penting dan memotong cukai rumah bagi meringankan beban rakyat.

Akhir sekali, responden turut bersetuju mengenai pernyataan Malaysia Madani memenuhi potensi rakyat dan negara kerajaan banyak membantu rakyat dalam pelbagai aspek sehingga dapat memenuhi potensi rakyat untuk mencapai atau menghasilkan sesuatu dalam memajukan negara. Perdana Menteri telah mengambil langkah untuk memperkuuh, mendalami dan memperluas kerjasama dua hala antara Malaysia dan negara tertentu untuk menarik potensi pelaburan dan eksport negara.

Jadual 1. Pendapat umum mengenai pernyataan “Perdana Menteri ke-10 (Datuk Seri Anwar Ibrahim)” (Peratus)

Bil.	Slogan ‘Malaysia Madani’ yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke 10 iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim	Setuju	Tidak setuju	Tidak pasti
1.	Malaysia Madani menyentuh pencorakan masa depan negara.	96	0	0
2.	Malaysia Madani menumpukan kepada penyelesaian masalah.	94	0	2
3.	Malaysia Madani memenuhi potensi rakyat dan negara.	94	0	2

4.	Malaysia Madani menyasarkan sektor ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, budaya, bandar dan luar bandar sebagai teras yang akan diteroka bagi memperkuuh pasak negara.	94	0	2
5.	Ahli politik, penjawat awam dan rakyat perlu mengetahui, memahami, menghayati seterusnya mempraktikkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan sehari-hari.	94	2	0
6.	Malaysia Madani memenuhi keperluan semasa negara.	92	2	0
7.	Sifat manusiawi/kemanusiaan seperti tolak ansur, bertimbang rasa, saling menghormati dan memahami adalah penting kehidupan dan dalam sebarang pembuatan keputusan dasar pemerintahan negara.	90	0	6
8.	Slogan “Malaysia Madani” iaitu kebertanggungjawaban/akauntabiliti sesuai dengan kehidupan untuk rakyat Malaysia.	90	0	6
9.	Slogan ini menyeru agar masyarakat membuat perubahan untuk memajukan diri namun perlu mengutamakan nilai akhlak dan kerohanian yang baik.	88	2	4
10.	6 teras Madani iaitu mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati, punyai keyakinan dan bersifat ihsan wajar diterap dalam kehidupan diri.	88	2	6

Sumber: Kajian lapangan (2023)

##### 5. Cara agar Slogan “Malaysia Madani” dapat Difahamkan kepada Rakyat Malaysia

Slogan Malaysia Madani yang merupakan gagasan utama kesejahteraan rakyat telah disebarluaskan kepada semua rakyat dan telah mendapat perhatian oleh semua. Pendekatan Malaysia Madani yang diperkenalkan pentadbiran Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu difahami dan dihayati secara mendalam agar ia tidak tinggal sekadar slogan. Oleh itu, kajian ini turut mengkaji mengenai bagaimana cara agar slogan “Malaysia Madani” dapat diwar-warkan dan difahamkan kepada rakyat Malaysia.

Berdasarkan kepada hasil soal selidik, responden menyatakan pelbagai cara untuk mewar-warkan mengenai slogan “Malaysia Madani” agar dapat difahamkan kepada rakyat. Antara cara yang paling banyak dinyatakan oleh responden ialah melalui media sosial, media elektronik dan ceramah. Bagi media sosial, ia lebih mudah untuk mengakses segala maklumat melalui hujung jari dan tanpa sempadan. Media sosial memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan benar kepada masyarakat sekeliling. Media sosial mempunyai sifat yang lebih interaktif apabila dibandingkan dengan media cetak dan media elektronik menyebabkan proses untuk mewar-warkan mengenai slogan “Malaysia Madani” lebih mudah untuk difahami oleh rakyat.

Seterusnya, media elektronik digunakan bagi tujuan menyebarkan maklumat seperti televisyen, radio, papan kenyataan digital dan seumpamanya. Kebiasaannya, jenis media elektronik yang sering digunakan ialah televisyen kerana lebih mudah untuk mendapatkan dan memahami berita dan maklumat semasa. Sumber utama media elektronik adalah rakaman audio-visual, persembahan multimedia dan kandungan dalam talian yang memudahkan untuk memahami maklumat yang disampaikan. Oleh itu, menjadi pilihan responden sebagai cara untuk mewar-warkan slogan “Malaysia Madani” dengan lebih mudah untuk difahami oleh rakyat.

Akhir sekali, responden menyatakan cara untuk mewar-warkan mengenai slogan “Malaysia Madani” dan difahamkan kepada rakyat Malaysia adalah melalui ceramah. Hal ini kerana ceramah yang dilakukan atau pelaksanaan majlis ilmu oleh kerajaan dapat memberi penerangan kepada rakyat mengenai istilah madani. Penerangan yang dilakukan secara terus dan langsung atau secara fizikal dapat meningkatkan lagi tahap pemahaman rakyat berbanding mengakses maklumat dalam internet yang belum tentu mempunyai kesahihannya.

Secara umumnya slogan “Malaysia Madani” digunakan Perdana Menteri selepas Kerajaan Perpaduan dibentuk. Namun begitu, tidak semua rakyat pernah dengar, mengetahui, dan faham mengenai slogan ini. Justeru soal selidik yang diedarkan bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden mengenai cara mengwar-war dan memahamkan rakyat Malaysia mengenai slogan ini. Berdasarkan hasil kajian, responden

berpendapat bahawa media sosial merupakan medium terbaik dalam mengawar-warkan slogan ‘Malaysia Madani’. Ini dikatakan kerana media sosial seperti aplikasi *TikTok*, *Instagram*, *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram* dan *Twitter* menjadi pilihan masyarakat untuk berkomunikasi, menyampaikan maklumat serta mendapatkan maklumat. Admin akaun kerajaan di media sosial harus bertanggungjawab dalam mempaparkan postingan mengenai slogan yang digunakan kerajaan serta nyatakan maksudnya melalui gambar dan video.

Seterusnya, responden daripada borang selidik ini juga menyarankan media elektronik dijadikan sebagai wahana dalam mengwar-warkan dan memahamkan rakyat Malaysia mengenai slogan “Malaysia Madani”. Hal ini kerana media elektronik merupakan antara platform utama rakyat mendapatkan maklumat mengenai isu semasa. Kebanyakan rakyat di negara ini mempunyai televisyen dan radio di rumah masing-masing. Oleh disebabkan itu, pihak media perlu mengambil peluang ini dengan menekankan slogan “Malaysia Madani” melalui berita di televisyen mahupun radio. Sebagai contoh, pembaca berita boleh menyebut mengenai slogan ini di awal dan di akhir berita supaya penonton terbiasa mendengar slogan yang digunakan untuk mentadbir negara ini. Selain itu, iklan di televisyen mengenai slogan ini perlu dipertingkatkan dengan ilustrasi supaya dapat menarik minat penonton.

Di samping itu, cara untuk mengwar-warkan dan memahamkan rakyat Malaysia mengenai slogan “Malaysia Madani” adalah melalui media cetak. Walaupun media cetak dikatakan cara tradisional dalam menyampaikan maklumat tetapi cara ini sangat berkesan kepada golongan sasaran yang minat membaca terutamanya golongan yang mempunyai minat mendalam dalam bidang politik. Misalnya, kerajaan boleh mengambil inisiatif dengan bekerjasama dengan pihak penerbit buku supaya menerbitkan sebuah buku politik mengenai slogan “Malaysia Madani”. Dengan ini pengetahuan pembaca mengenai slogan ini akan bertambah baik sekali gus dapat mencapai hasrat kerajaan untuk memberi pendedahan kepada rakyat. Bukan itu sahaja, slogan ini perlu diletakkan di dalam surat khabar beserta maksudnya sekali supaya golongan pembaca terutamanya di luar bandar yang masih mendapatkan maklumat melalui akhbar ini mengetahui mengenai “Malaysia Madani”. Sebagai contoh surat khabar yang dijual adalah Berita Harian, Kosmo, Utusan Harian, Sinar Harian, Harakah dan sebagainya.

Berikutnya, responden juga menyarankan bahawa slogan “Malaysia Madani” dapat diwar-warkan melalui kempen atau ceramah. Kempen yang dimaksudkan di sini adalah apa-apa aktiviti politik yang menyebabkan rakyat merasakan tertarik untuk menyertainya. Kempen yang dijalankan mestilah mempunyai mesej yang jelas, ringkas dan mudah difahami supaya dapat diterima oleh rakyat. Pihak kerajaan boleh mencetak bahan kempen dengan *brosur*, *flyers*, risalah atau poster dan menyebarinya kepada rakyat di sesebuah kawasan. Kempen ini juga perlu diadakan secara berkala supaya rakyat dapat memahami maksud slogan “Malaysia Madani” ini.

Bukan itu sahaja, *influencer* atau pemberi pengaruh boleh digunakan bagi mengwar-war dan memahamkan rakyat di Malaysia mengenai slogan “Malaysia Madani”. Hal ini kerana *influencer* merupakan seseorang yang boleh mempengaruhi minda orang lain untuk mengikutinya. Ini disebabkan mereka merupakan golongan yang mempunyai kuasa, pengetahuan dan kedudukan atau hubungan dengan pengikut mereka. Dengan itu, *influencer* boleh dijadikan sebagai individu yang menerangkan mengenai slogan “Malaysia Madani” kerana hubungan sosial yang baik kepada pengikutnya menyebabkan objektif mewar-warkan slogan ini dapat dicapai.

Akhir sekali, slogan “Malaysia Madani” dapat diwar-warkan dan difahamkan kepada rakyat Malaysia melalui pendidikan. Secara umumnya pendidikan merupakan salah satu cara terbaik dalam menyampaikan sesuatu maklumat supaya setiap misi dan visi dapat dicapai. Slogan ini perlu didedahkan tidak kira melalui peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun peringkat universiti. Sebagai contoh pihak sekolah boleh melakukan pelbagai program kebudayaan, sukan, dan banyak lagi yang bertemakan “Malaysia Madani”. Dengan ini, golongan pelajar atau belia dapat tahu dan memahami erti slogan ini.

## 6. Sokongan terhadap Penyataan “Slogan ‘Malaysia Madani’

Slogan Malaysia Madani diterima baik oleh rakyat disebabkan beberapa faktor yang menekankan kepada dasar dan tujuannya yang melibatkan rakyat dan negara secara menyeluruh. Rakyat juga menyokong dasar dan tujuan slogan Malaysia Madani untuk kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Dalam kajian ini juga


turut mengkaji sokongan responden terhadap pernyataan “Slogan ‘Malaysia Madani’ ini maka rakyat boleh menyokong kepimpinan PMX sebagai Perdana Menteri pada masa sekarang dan penggal pemerintahan akan datang”.

Berdasarkan kepada hasil soal selidik menunjukkan 48 peratus responden menyokong bahawa dengan slogan “Malaysia Madani” ini rakyat boleh menyokong kepimpinan PMX sebagai Perdana Menteri pada masa sekarang dan penggal pemerintahan akan datang (Lihat Rajah 2). Hal ini kerana mereka yakin bahawa PMX boleh membawa perubahan dengan slogan “Malaysia Madani” yang dibawanya. Hal ini kerana banyak program boleh dilaksanakan untuk memajukan negara di samping memberi kesejahteraan rakyat di bawah slogan ini. Apa-apa pembaharuan yang dilakukan mestilah berlandaskan madani supaya rakyat akan terus memberi sokongan kepada pemerintah. Misalnya, perubahan yang telah dilaksanakan oleh PMX melalui slogan “Malaysia Madani” adalah bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) iaitu bantuan bersasar kepada 8.7 juta penerima daripada golongan B40 bernilai RM1.67 bilion, kerajaan tambah 12 lorong RFID di PLUS untuk elakkan kesesakan, program Jualan Rahmah (jualan 1,000 barang keperluan terpilih diberi diskaun 3% sehingga 30% di pasaraya terpilih seluruh Malaysia dan banyak lagi.

Selain itu, responden juga menyokong slogan yang dibawa Perdana Menteri ke-10 disebabkan mereka melihat karakter Datuk Seri Anwar Ibrahim meyakinkan rakyat. Kepimpinan yang baik memberikan persepsi positif kepada pemimpin untuk mentadbir negara. Bukan itu sahaja, beliau juga diyakini boleh membawa slogan “Malaysia Madani” ke arah yang lebih baik melalui cara pemerintahan yang mengutamakan rakyat tidak kira bangsa dan agama.

Seterusnya, 40 peratus responden tidak pasti sama ada dengan slogan “Malaysia Madani” ini rakyat boleh menyokong kepimpinan PMX pada masa sekarang dan penggal pemerintahan akan datang. Hal ini kerana responden beranggapan bahawa keputusan untuk menyokong sebuah kepimpinan itu terletak pada diri pengundi masing-masing dan terdapat juga rakyat yang tidak bersetuju dengan slogan “Malaysia Madani”. Terdapat kemungkinan bahawa ada rakyat yang akan menyokong dan ada rakyat yang tidak akan menyokong pemerintahan PH pada masa akan datang. Pola pengundian tidak dapat dipastikan kerana fikiran atau pegangan rakyat akan berubah jika pada suatu masa PH tidak dapat mentadbir dengan baik.

Responden masih merasakan corak pemerintahan beliau masih belum jelas. Pemerintahan yang dikatakan hanya setahun jagung masih belum dinilai oleh rakyat. Perubahan dalam negara diakui memerlukan tempoh masa tertentu namun begitu pemimpin perlu memainkan peranan dengan segera supaya rakyat akan terus menyokong kerajaan ini untuk penggal seterusnya.



Rajah 2. Sokongan terhadap slogan ‘Madani’ membawa kepada sokongan kepada PMX  
Sumber: Kajian lapangan (2023)

Bukan itu sahaja, responden tidak pasti mengenai pernyataan ini disebabkan isu pemerintahan sebelum PRU-15 yang lalu. Pergolakan politik, perebutan kuasa, ketidakstabilan negara daripada pelbagai aspek sosioekonomi menjadikan rakyat menjadi kurang percaya terhadap pemerintahan kali ini walaupun

menggunakan slogan “Malaysia Madani”. Mereka tidak pasti bahawa slogan boleh membawa perubahan yang baik ketika ini kerana corak pemerintahan sebelum ini yang membawa slogan “1 Malaysia”, “Keluarga Malaysia” dan sebagainya tidak mempengaruhi kehidupan rakyat.

Akhir sekali, 8 peratus responden tidak menyokong dengan penyataan slogan “Malaysia Madani” ini rakyat boleh menyokong kepimpinan PMX pada masa sekarang dan penggal pemerintahan akan datang. Hal ini dapat dikaitkan dengan sokongan peribadi mereka yang mungkin bukan seorang penyokong PH. Selain itu, terdapat juga rakyat yang taksub dengan pengaruh media sosial yang mengatakan PH bukan parti yang sesuai untuk mentadbir kerajaan.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, majoriti responden pernah dengar istilah ‘Malaysia Madani’ namun mereka tidak faham sepenuhnya slogan tersebut. Meskipun istilah tersebut telah lama disebut PMX iaitu pada tahun 1995 yang lalu namun istilah tersebut tidak mendapat liputan meluas media dan orang ramai. Istilah yang berbahasa Arab ini sebenarnya akan lebih dikenali meluas jika menggunakan Bahasa Malaysia yang merupakan bahasa pengantar di Malaysia. Secara keseluruhannya, pengundi ketika PRN 2023 dapat menerima atau bersetuju dengan istilah Malaysia Madani yang mempunyai nilai hidup yang baik. Meskipun mereka bersetuju dengan istilah dan nilai baik tersebut namun soal sokongan kepada pemimpin, kerajaan dan parti politik adalah soal lain. Justeru, demi mendapat sokongan padu daripada rakyat, pemimpin, kerajaan dan parti politik perlu bukan sahaja memperkenalkan, bahkan juga mempraktikkan nilai baik tersebut agar dapat menjadi teladan sekali gus meyakinkan lagi pengundi untuk menyokong mereka dalam sesuatu pilihan raya akan datang.

**Penghargaan:** Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

**Konflik Kepentingan:** Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abd Rahman, A. (2023). *Minda Madani: pemahaman dan pelaksanaan*. Thunder Print Sdn. Bhd.
- Agenda Massa. (2023b). Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani. Dlm *Agenda Massa*. Edisi 11. Enigma Fikir Sdn. Bhd.
- Anwar, I. (2022). *Membangun Negara Madani: Visi dan kerangka dasar reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Krishnamoorthy, M. (2023a). *Anwar prison to palace PM for all*. Krishnamoorthy Muthali.
- Krishnamoorthy, M. (2023b). *Anwar: Penjara ke istana, PM untuk semua*. Firdaus Press Publication.
- Maszlee, M. & Hamidah, M. (2023). *Siasah Madani*. KAWANDANET Sdn. Bhd.
- Mohamed Nasser, M. (2023a&b). *100 Warkah, 1,000 impian Anwar PM-10: Coretan rakyat Malaysia (Jilid 1 dan Jilid 2)*. Nuha Creative Resources.
- Mohd Sayuti, O. (2023). *Noktah sebuah penantian Anwar PM 10*. Tinta Merah.
- Mustaffa Kamil, A. (2023). *Idealisme politik membangun Malaysia Madani: Visi, cabaran dan pelan strategik*. Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Noor Azam, A. R. (2023). Kepimpinan tunjang pembentukan Malaysia Madani. *Dewan Masyarakat*. Jilid 60, Bil 3/Mac. 6-11.
- Osman, A. (2023). Kerajaan Perpaduan: Cabaran Untuk PM ke-10. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 36-37.
- Ronifira, R. (2023). *Anwar: Prolog menuju negara bangsa progresif*. Jagat Media PLT.
- Ronifira, R. (2024). *PMX memimpin negara di zaman pascanormal*. Jagat Media PLT.
- Shah Mohd Akmal, A. H. (2023). 54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 6-11.